

# PUSAT PENGURUSAN RISIKO, KELESTARIAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

## PENILAIAN RISIKO CADANGAN MEMBANGUNKAN PLATOFRM CROWDFUNDING BAGI MEMBIAYAI PROJEK-PROJEK KOMUNITI DI UKM

### PENDAHULUAN

*Crowdfunding* merupakan kaedah baru bagi mendapatkan dana untuk membiayai sesuatu projek atau aktiviti. Sumber pembiayaan atau dana diperoleh melalui sumbangan daripada individu atau organisasi melalui hebahan projek yang lazimnya dilakukan melalui internet.

### ULASAN ROSH-UKM

1. ROSH-UKM telah membuat penilaian berdasarkan pengalaman Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) bersama pitchin.my untuk projek komuniti yang terdahulu. Platform crowdfunding yang telah digunakan telah membantu dalam menjalankan projek komuniti dengan bantuan sumbangan dana daripada orang ramai.
2. Walaubagaimanapun, ROSH-UKM telah mengenalpasti beberapa risiko yang perlu diambil perhatian oleh UKM bagi memastikan pembangunan platform ini berjaya dan seterusnya memberi manfaat kepada projek komuniti di universiti.

**Jadual 1: Skor Penilaian Cadangan Membangunkan Platform crowdfunding bagi  
membiayai projek-projek komuniti di UKM**

Bil	Punca	Risiko	Kesan	L	S	Skor
1	Tiada tatacara perolehan, penerimaan wang yang jelas dari pihak UKM	Mungkin akan berlaku menyalahgunaan atau penyelewengan dana projek	Projek tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Reputasi Universiti terjejas. Penyumbang menyaman universiti	4	2	8

2	Kurang pengalaman dan promosi dari pihak yang memerlukan dana. Projek yang kurang menarik penyumbang	Kemungkinan tiada sambutan dari penyumbang dana	Sasaran & hasil projek tidak tercapai Dana tidak dapat dikumpul mengikut jangka masa yang diberi Reputasi Universiti terjejas	4	3	12
3	Kurang kepakaran dalam menganggarkan kos projek dan keperluan keselamatan projek.	Mungkin kos projek terkurang anggar dan tidak mengambil kira aspek keselamatan	Peserta tidak dilindungi daripada sebarang bahaya ketika mengikut projek yang dianjurkan. Projek tidak disiapkan dengan sempurna	4	3	12
4	Perjanjian kesefahaman masih tidak jelas di antara UKM dan Pitch-In/Syarikat pengendali laman web	Mungkin berlaku konflik Pengagihan tanggungjawab dari sudut pemantauan daripada pihak pengendali web dan UKM	UKM hilang hak terhadap web yang dibangunkan.	4	2	8
5		Kemungkinan tiada perincian aspek undang-undang mengenai hak pemilikan	Kerugian kepada UKM.	4	2	8
6	Tiada tatacara jelas tetang penggunaan nama universiti untuk menarik minat penyumbang	Kemungkinan berlaku Penyalahgunaan nama institusi untuk menarik sumbangan	Reputasi UKM akan jatuh sekiranya projek gagal	4	3	12
7	Tiada penasihat projek yang kompeten	Kemungkinan menyebabkan projek tidak diuruskan dengan baik	Tidak mendapat kepercayaan daripada penyumbang	4	2	8

Rujukan :

Rendah (L)
Sederhana (M)
Ketara (S)
Tinggi (H)
Sangat Tinggi (E)

Cadangan langkah kawalan.

Berdasarkan senarai punca dan risiko yang telah diberikan, beberapa cadangan kawalan langkah kawalan boleh dikemukakan bagi mengatasi punca yang dilihat memberi kesan kepada skor risiko yang tinggi. Antara cadangan langkah kawalan adalah seperti berikut:

- a) Menyediakan Prosedur yang lengkap berkaitan tatacara penerimaan dan penggunaan wang dana yang diterima bagi mengelakkan penyalahgunaan serta penyelewengan di peringkat dalaman.
- b) Perbincangan dengan Pejabat Penasihat Undang-undang berkenaan peraturan penggunaan jenama UKM bagi projek atau aktiviti luar.
- c) Perjanjian dokumen kerjasama mestilah dibuat dengan teliti melibatkan kerjasama antara dua pihak UKM dan pengendali Web berkaitan pengagihan keuntungan termasuk bayaran kepada pengendali web, pemilikan maklumat dan tanggung rugi.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, projek cadangan membangunkan platform *Crowdfunding* di UKM tidak mempunyai masalah untuk dilaksanakan namun kebanyakan risiko memerlukan kawalan tambahan yang bersesuaian bagi memastikan program ini dapat diteruskan dengan lebih bersistem dan teratur supaya tidak menghalang objektif universiti yang seterusnya boleh memberikan impak terhadap reputasi universiti.

Disediakan oleh:

ROSH,UKM

Rujukan fail: UKM RKK/175/3

23 Mei 2018

ROSTUJM